

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENA ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan :-**

- a. apakah rancangan untuk mengurangkan kos penternakan ayam dengan menghasilkan pengeluaran makanan ayam; dan
- b. apakah cara bagi memastikan bekalan ayam dan lembu mencukupi dan tidak membebankan pengeluaran dan pengguna.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengeluaran ayam di ladang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh harga makanan ayam. Ia menyumbang sebanyak 70% daripada keseluruhan kos pengeluaran. Makanan formula lengkap ternakan ayam dihasilkan dalam negara tetapi menggunakan bahan asas utama seperti jagung bijian dan *soybean meal* yang diimport dari luar negara seperti Brazil, Argentina dan India. Kebelakangan ini, harga jagung bijian import telah menunjukkan peningkatan, seiring dengan kenaikan harga pasaran dunia.

Dalam hal ini, bagi mengatasi isu kebergantungan kepada sumber bahan mentah import, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang melaksanakan beberapa pendekatan seperti berikut: -

- i. melaksanakan projek penanaman jagung bijian secara berfasa dengan keluasan tanaman sehingga 80,000 hektar. Inisiatif ini dijangka dapat mengeluarkan jagung bijian tempatan sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang tahun 2033; dan
- ii. menjalankan aktiviti penyelidikan bagi menghasilkan bahan mentah gantian yang bersesuaian sebagai bahan mentah utama dalam penghasilan makanan ternakan khususnya untuk rumusan makanan unggas berdasarkan kek isirong sawit (*Palm Kernel Cake – PKC*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, buat masa ini bekalan ayam/itik dalam negara untuk keperluan rakyat Malaysia adalah mencukupi. Tahap sara diri (SSL) ayam/itik pada tahun 2020 ialah 103.94%. Walau bagaimanapun, bekalan daging lembu/kerbau masih belum mencukupi. Tahap SSL daging lembu/kerbau pada tahun 2020 adalah 20.74%.

## **NO SOALAN : 32**

Pada masa ini, Kerajaan mengimport sebanyak 161,890 tan metrik bagi tahun 2020 untuk memenuhi permintaan daging lembu/kerbau dalam negara. Bagi memastikan bekalan mencukupi dan SSL daging lembu/kerbau dapat ditingkatkan kepada 50% menjelang 2030, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah melancarkan Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN) 2021-2025 bagi memperkasa industri pedaging Negara supaya lebih berdaya maju, berdaya saing, menguntungkan serta berupaya menarik minat pemain industri (dalam dan luaran) untuk melabur dalam industri ini.

Untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi dengan harga yang berpatutan kepada pengeluar dan pengguna, MAFI sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama dengan pihak berkepentingan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), pihak pengilang makanan ternakan dan penternak dalam mencari jalan penyelesaian terbaik yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.